

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 5 November 2020 3:01 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: DMDI MALAYSIA LAHIR HASRAT BEKERJASAMA DENGAN UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 NOVEMBER 2020 / 19 RABIULAWAL 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

DMDI MALAYSIA LAHIR HASRAT BEKERJASAMA DENGAN UUM



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menerima kunjungan delegasi Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Malaysia yang diketuai Ahli Lembaga Pengarahnya, Dato' Norsabrina Mohd Noor di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, pagi tadi.

Provos, UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL), Prof. Dr. Shahimi Mohtar mewakili Naib Canselor telah mengadakan perbincangan dengan delegasi yang turut disertai Ahli Lembaga Pengarah DMDI International Education Sdn. Bhd., Negeri Melaka, Dato' Zainal Hussin.

Tujuan kunjungan itu bertujuan membincangkan tentang peluang kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan serta bidang pelancongan di negeri Melaka.

Dalam pertemuan itu, Prof. Dr. Shamimi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada DMDI kerana mempercayai keupayaan UUM dalam bidang akademik.

Pada kunjungan itu juga, kedua-dua pihak membincangkan beberapa perkara sambil bertukar-tukar idea untuk menerokai peluang kerjasama terutamanya dalam bidang akademik, penyelidikan dan pelancongan di negeri Melaka.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE), Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim dan Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Dr. Johan Afendi Ibrahim dan Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.